



12 Jun 2015
12 June 2015
P.U. (A) 118

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL
DAN PERKHIDMATAN (FI) (PINDAAN) 2015

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (FEES)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI)
(PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2015.

Pindaan peraturan 10

2. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012 [P.U. (A) 483/2012] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**dokumen penawaran**” dengan perkataan “**dokumen penzahiran**”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “berkenaan dengan” perkataan “pendepositan dokumen penzahiran dan”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris—

(i) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**offering document**” dengan perkataan “**disclosure document**”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “offering document” dengan perkataan “disclosure document”.

Peraturan baru 11A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 11 peraturan yang berikut:

“Fi berkenaan dengan cadangan dan penyerahsimpanan dokumen dan maklumat di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar

11A. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan cadangan dan penyerahsimpanan dokumen dan maklumat di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar hendaklah mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 12.”.

Pindaan Jadual 1

4. Jadual 1 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) berhubung dengan butiran 1, dalam ruang “Cadangan berhubung dengan sekuriti”, dengan menggantikan perkataan “Terbitan awam awal” dengan perkataan “Tawaran awam permulaan atau penyenaraian permulaan”;
- (b) berhubung dengan butiran 2, dalam ruang “Cadangan berhubung dengan sekuriti”, dengan memasukkan selepas perkataan “haluan perniagaan” perkataan “atau dasar suatu perbadanan”;
- (c) berhubung dengan butiran 15, dalam ruang “Cadangan berhubung dengan sekuriti”, dengan menggantikan perkataan “subseksyen 212(5)” dengan perkataan “subseksyen 212(4) dan (5);” dan

(d) dengan memasukkan selepas butiran 15 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

“ No.	<i>Cadangan berhubung dengan sekuriti</i>	<i>Fi</i>
16.	Permintaan untuk penentuan Suruhanjaya sama ada suatu cadangan dianggap sebagai suatu perolehan yang mengakibatkan suatu perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan	RM2,000.00
17.	Permohonan oleh penasihat kewangan korporat untuk diterima masuk ke dalam senarai diluluskan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya	RM2,000.00 setiap permohonan
18.	Permohonan untuk diiktiraf sebagai pegawai kanan berkelayakan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya	RM500.00 setiap permohonan

”.

Pindaan Jadual 5

5. Jadual 5 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) berhubung dengan butiran 3, 4, 5 dan 6, dalam ruang “Fi”, dengan memasukkan selepas perkataan “RM800,000.00” perkataan “(termasuk fi untuk kajian semula penilaian aset, sekiranya ada)”; dan
- (b) dengan menggantikan butiran 9 dan 10 dan butir-butir yang berhubungannya dengan butiran yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Perihalan</i>	<i>Fi</i>
9.	<p>Pengecualian atau pengubahan daripada kehendak di bawah garis panduan bagi—</p> <p>(a) bentuk dan kandungan berhubung dengan pengemukaan kepada Suruhanjaya; atau</p> <p>(b) peruntukan selain bentuk dan kandungan di bawah subbutiran (a)</p>	RM500.00 setiap pengecualian/ pengubahan RM2,000.00 setiap pengecualian/ pengubahan
10.	Lanjutan tempoh masa	RM2,000.00 setiap permohonan

".

Pindaan Jadual 6

6. Jadual 6 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) berhubung dengan subbutiran 1(a), dalam ruang “Jenis Permohonan”, dengan menggantikan perkataan “Terbitan debentur berdenominasi ringgit dan sukuk” dengan perkataan “Terbitan debentur dan sukuk berdenominasi ringgit”; dan
- (ii) berhubung dengan butiran 2, dalam ruang “Jenis Permohonan”, dengan menggantikan perkataan “Terbitan debentur berdenominasi mata wang asing dan sukuk” dengan perkataan “Terbitan debentur dan sukuk berdenominasi mata wang asing”;